

# '51% jawatan perkhidmatan awam dipegang bukan B-putera'

KUALA LUMPUR. Selasa.—Sebanyak 51 peratus jawatan-jawatan dalam kumpulan 'A' Perkhidmatan Awam Kerajaan dipegang oleh bukan Bumiputera manakala 49 peratus sahaja terdiri dari Bumiputera.

Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat bahkan bagi perkhidmatan ikhtisas seperti doktor, akauntan dan jurutera, 75 peratus terdiri dari bukan Bumiputera dan hanya 25 peratus sahaja Bumiputera.

Bellau berkata demikian sebagai menjawab soalan mulut dari Encik Lee Kaw (DAP-Keluang) yang ingin tahu gambaran berbilang kaum dalam perkhidmatan awam semua peringkat, angkatan bersenjata, pemberian biasiswa, der-



DATO SERI MAHATHIR

masiswa dan pinjaman, pemberian tanah dan pemberian pinjaman perniagaan.

Dato seri Dr. Mahathir berkata, pengambilan kakitangan Kerajaan berdasarkan kepada kebolehan, kelayakan dan kesesuaian calon-calon yang ditemuduga bagi sesuatu jawatan itu.

Di samping itu tamahnya adalah menja-

di dasar Kerajaan supaya pengambilan kakitangan dan juga Angkatan tentera mengambarkan masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

Dalam hal ini katanya, bilangan calon bukan Bumiputera yang memohon jawatan-jawatan dalam kumpulan 'C' dan 'D' dalam perkhidmatan awam Kerajaan dan dalam Angkatan Tentera Khasnya sebagai anggota-anggota angkat rendah adalah sedikit jika dibandingkan dengan pemohon-pemohon Bumiputera.

"Keadaan ini terjadi bukanlah kerana kurangnya peluang yang diberikan, tetapi disebabkan kurangnya minat di kalangan kaum untuk memohon jawatan tersebut," kata Timbalan Perdana Menteri.

## Matlamat DEB

Dalam pemberian biasiswa, dermasiswa dan pinjaman pelajaran, pemberian tanah dan juga pemberian pinjaman perniagaan, pertimbangan adalah diberikan kepada semua kaum dan juga mengikut matlamat dasar ekonomi baru.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, mengenai pemberian tanah Kerajaan penduduk-penduduk dalam sektor pertanian kebanyakannya terdiri dari satu kaum yang tertentu iaitu Bumiputera, di samping itu sektor pertanian inilah juga terdapat kadar kemiskinan yang tinggi.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

"Oleh itu sebarang usaha pemberian tanah kepada golongan miskin ini yang kebetulannya terdiri dari kalangan Bumiputera tidaklah boleh dianggap Kerajaan mengutamakan satu-satu kaum sahaja dan mengabaikan kaum yang lain," katanya.

Mengenai pinjaman perniagaan pula, Timbalan Perdana Menteri memberitahu semenjak tahun 1969, Tabung Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDF) telah mengeluarkan pinjaman sebanyak \$89.6 juta untuk 262 projek kepada Bumiputera, \$454.5 juta untuk 1,407 projek kepada orang China, \$0.8 juta untuk 11 projek kepada orang India dan \$33.5 juta bagi 22 projek kepada rakyat Malaysia bukan Bumiputera dalam usahasama.

No. Set. 1460  
No. Pen. 1131/80